

15/06/2001

Erra terima pingat PJK

Zubir Mohd Yunus

JASA serta kerja amal yang disempurnakan model, penyanyi dan pelakon terkenal, Erra Fazira Wan Chek, akhirnya mendorong kerajaan Selangor menganugerahkannya Pingat Jasa Kebaktian (PJK), semalam.

Upacara itu berlangsung di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Shah Alam.

Erra ketika ditemui Persada Seni berkata, dia bersyukur dengan anugerah itu kerana tidak menyangka perjuangannya sepanjang bergelar anak seni mendapat pengiktirafan pihak terbabit.

"Ini semua rezeki... Alhamdulillah. Sebagai artis, saya hanya melakukan kebajikan sekadar terdaya. Bukanlah niat saya hendak menonjolkan diri, sebaliknya mencurahkan keringat kepada mereka yang memerlukan," katanya.

Terbaru, Erra akan menjayakan Impiana Charity Show With Erra Fazira di Indra Sari Impian Resort, Cherating, Pahang untuk Majlis Kanser Nasional pada 23 Jun ini. Peminat yang ingin menyertainya dikenakan bayaran RM60 seorang.

Sementara itu, Erra juga sah melepaskan jawatannya sebagai anggota Exco Jawatankuasa Pusat Puteri Umno, Selasa lalu, atas sebab-sebab peribadi terutama kesibukan kerjaya sebagai artis.

Bagaimanapun, Erra kekal sebagai ahli Puteri Umno dan Jawatankuasa Unit Kebajikan Artis di bawah kelolaan Biro Perkhidmatan yang dipengerusikan Exco Jawatankuasa Pusat Puteri Umno, Noor Liza Abu Hassan.

"Saya mengambil keputusan ini kerana menjaga periuk nasi saya sebagai artis. Masa tidak mengizinkan saya untuk memberi sepenuh komitmen kepada aktiviti Puteri Umno yang semakin padat jadualnya.

"Album terbaru saya pula akan muncul tidak lama lagi, jadi saya sedang memberi tumpuan kepada projek itu selain menjalankan promosi apabila ia berada di pasaran kelak. Saya juga akan menjalani penggambaran sebuah filem apabila album itu menemui peminat," katanya.

Erra kini sibuk menyiapkan album solo keduanya bersama Sony Music Entertainment. Dia sudah merakamkan beberapa lagu menarik.

Antaranya, Sampai Bertemu (gubahan Adnan Abu Hassan), Janji Kita (Fauzi Marzuki), Lepaskan Ku (KRU), Adakah (Iman Wan) dan dua lagu ciptaan Rosli Selasih termasuk lagu duet bersama penyanyi Indonesia, Rio Febrian menerusi Nada Kasih. Tidak ketinggalan lagu Sandarkan (Rick Loh).

"Saya tidak mahu dianggap lalai menjalankan kewajipan yang diamanahkan. Saya tetap sayangkan Puteri Umno malah ingin melihat Puteri Umno terus cemerlang.

"Saya tidak mahu menjejaskan nama baik Puteri Umno. Tentu tidak elok kalau kebanyakan agenda seperti cadangan prapelancon roadshow Puteri Umno di setiap negeri bermula 24 Jun hingga 3 Ogos nanti, saya tidak dapat menghadirinya.

"Jadi, lebih baik saya jadi ahli biasa saja dan tempat saya digantikan calon yang betul-betul dapat memberikan 100 peratus fokus kepada aktiviti Puteri Umno.

"Begitu juga ketika pelancon rasmi Puteri Umno oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, 3 Ogos ini, saya harap ia berjalan lancar dan menepati matlamat," jelas Erra bersungguh-sungguh.

(END)